

Tajuk : Contohi konsep bidang latihan kemahiran Jerman: Morshidi

Contohi konsep bidang latihan kemahiran Jerman: Morshidi

KOTA SAMARAHAN: Setiausaha Kerajaan Negeri Tan Sri Datuk Amar Mohammad Morshidi Abdul Ghani menggesa graduan menjadikan konsep 'Dual Changing System' negara Jerman sebagai pelopor dalam bidang latihan kemahiran untuk dicontohi.

Katanya melalui kaedah itu persahabatan dan persefahaman pihak industri dalam bidang latihan kemahiran begitu akrab dan saling memerlukan antara satu sama lain.

"Konsep ini telah terbukti berjaya menghasilkan pakar-pakar yang berkemahiran tinggi dengan penggunaan sistem terbabit di samping mengelak daripada masalah 'training mismatch'," katanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS) dan Kolej Antarabangsa Teknologi Lanjutan Sarawak (ICATS) Ke-15 di sini semalam.

Beliau turut memperakui model kursus yang digunakan PPKS dan ICATS juga berteraskan kemahiran amat sesuai untuk kemahiran hands on.

Bagaimanapun, ia harus ditambah dengan kecekalan inovatif dan progresif graduan dalam usaha negara menjadi sebuah negara maju yang memerlukan lebih ramai tenaga mahir bertaraf dunia serta berupaya menghadapi perubahan teknologi global semasa yang mencabar.



SYABAS: Morshidi (kanan) menyerahkan skrol kepada salah seorang graduan PPKS/ICATS Ke-15 di DeTAR Putra UNIMAS semalam. Turut kelihatan Baharudin (tengah). — Gambar Chimon Upon

Menurut beliau seramai 83 peratus lepasan PPKS telah mendapat pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian namun ia masih mempunyai ruang untuk diperbaiki.

"Majikan hari ini bukan sahaja melihat kepada kemahiran graduan tetapi juga kepada kemahiran generik seperti bersikap inovatif, kemahiran komunikasi, berdaya kreatif dan berkeyakinan.

Pada masa yang sama beliau juga berpendapat, graduan perlu menambah kemahiran dan pendidikan sedia ada sebagai pelaburan sepanjang hayat menuju negara berpendapatan tinggi melalui kemahiran.

Sebelum ini, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM35 juta untuk tujuan pembebasan kampus dan menambah baik prasarana di bawah projek Rancangan Malaysia Ke-10 dan peruntukan tambahan akan dipertimbangkan pada masa akan datang.

Seramai 471 graduan kursus diploma serta sijil yang ditawarkan PPKS dan ICATS menerima skrol masing-masing di Dewan Tun Abdul Razak (DeTAR) Putra, UNIMAS semalam.

Turut hadir Pengerusi PPKS dan Presiden ICATS Tan Sri Datuk Amar Abdul Aziz Datuk Husain dan Pengarah Eksekutif PPKS Baharudin Abdullah.